

BH 10 APR 2001

# Singapura pertahan diplomasi hadiri taklimat pembangkang

SINGAPURA, Isnin - Singapura hari ini mempertahankan hak diplomatnya menghadiri taklimat parti pembangkang di Malaysia dan menafikan dakwaan ia cuba mencampuri urusan Kuala Lumpur.

"Seorang diplomat Singapura menghadiri taklimat Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sebagai sebahagian daripada tugasnya bagi mengikuti perkembangan politik di Malaysia.

"Menghadiri majlis taklimat kepada pegawai kedutaan asing oleh sebuah parti politik pembangkang yang sah diwakili di Parlimen adalah sebahagian tugas biasa diplomat," kata jurucakap hal-ehwal luar republik itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik tindakan wakil Singapura, Indonesia, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain menghadiri pertemuan dianjurkan Presiden Keadilan, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail, Khamis lalu.

"Mereka seharusnya lebih sensitif kepada perasaan kita dan tidak cuba mencampuri urusan dalam negara," kata Dr Mahathir.

Wan Azizah mengadakan taklimat itu bagi membincangkan kesihatan suaminya, bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sedang menjalani hukuman penjara dan kini sakit belakang serta dilarang menjalani pembedahan di luar negara.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Kementerian Luar Singapura, kehadiran wakilnya pada mesyuarat itu tidak menandakan sokongan kepada parti pembangkang berkenaan.

Jurucakap itu berkata, adalah penting bagi Singapura dan Malaysia untuk saling memahami perkembangan di negara lain dan ini memerlukan 'perhubungan' dengan mereka yang berkenaan di dalam dan luar kerajaan.

"Ini tidak sepatutnya dilihat sebagai campur tangan, asalkan peraturan diplomatik dihormati," kata jurucakap itu. - AFP